

24 SEP 2000

Jeffrey-Reaksi

JEFFREY KITINGAN SAMBUT BAIK AMARAN PM MENGENAI TUNTUTAN KAUM

KOTA KINABALU, 24 Sept (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Datuk Dr Jeffrey Kitingan hari ini menyambut baik peringatan oleh Perdana Menteri supaya masyarakat pelbagai kaum di Malaysia tidak bersikap keterlaluan dalam membuat tuntutan untuk kaum masing-masing.

Dr Jeffrey dalam kenyataannya di sini berkata, walaupun setiap kaum mempunyai hak masing-masing, mereka juga perlu peka dan memahami sensitiviti kaum-kaum yang lain.

"Sebab itulah kita menyokong konsep berkongsi kuasa Barisan Nasional (BN) dan percaya pada pendekatan pelbagai kaum dalam mentadbir negara," katanya.

Dr Jeffrey yang juga Timbalan Presiden Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA) berkata peringatan Dr Mahathir itu adalah baik untuk semua.

Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Bingkor itu mengulas kenyataan Perdana Menteri yang dibuatnya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Parti Gerakan di Pulau Pinang semalam.

Perdana Menteri pada majlis itu dilaporkan berkata bahawa dalam membuat sesuatu tuntutan, kaum-kaum tidak seharusnya dipengaruhi oleh sentimen perkauman yang keterlaluan kerana ia boleh menyebabkan mereka kehilangan segala-gala yang mereka kecapai sekarang.

Menurut beliau, masyarakat juga perlu mula melihat sesuatu masalah itu bukan sahaja daripada perspektif kaum semata-mata, tetapi lebih kepada soal kemanusiaan.

"Dengan itu, yang kuat mesti membantu yang lemah dan yang kaya harus membantu yang miskin," kata beliau.

-- BERNAMA

JS PR